

# JAMUAN RAYA JSG: Warna Warni AIDILFITRI 2019

Disediakan oleh :

**Nur Maizatul Azra Mukhtar**

Majlis sambutan Hari Raya JSG telah berlangsung dengan meriahnya pada 2 Julai 2019 (Selasa). Majlis yang diadakan di Bilik Mesyuarat Jabatan turut dihadiri oleh Y. Berusaha Tuan Rektor Kampus Cawangan Pulau Pinang (UiTMCPP) serta beberapa ahli majlis pengurusan tertinggi UiTMCPP.

Pelbagai juadah telah disediakan di sepanjang majlis ini, di antaranya ialah Lemang & Ketupat, Rendang Ayam, Satay, Kuih Muih dan Biskut Raya, Tapai Pulut, serta Puding Koktail. Malah, majlis turut diserikan dengan beberapa aktiviti iaitu cabutan bertuah, ucapan ringkas hari raya daripada semua staf Jabatan Sains Gunaan dan majlis sisi santai sambutan hari lahir staf yang jatuh pada bulan Januari sehingga Julai 2019.

Semoga kemeriahannya Syawal seumpama ini dapat disambut dan diraikan lagi pada tahun hadapan.

